

2016

BAYARAN BALIK EFT

15

ELECTRONIC FUND TRANSFER (EFT)



www.hasil.gov.my

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

LHDNM/R15/16

ELECTRONIC FUND TRANSFER (EFT)

- EFT adalah satu kemudahan perbankan untuk memindahkan dana (wang) dari akaun pembayar terus kepada akaun penerima melalui arahan elektronik
- LHDNM akan membuat bayaran balik lebih cukai atau lebihan duti setem melalui EFT kepada semua pembayar cukai yang layak

KENAPA WUJUD BAYARAN BALIK?

- Bayaran balik wujud disebabkan oleh situasi berikut:
 - Pembayar cukai telah membuat bayaran cukai melebihi tanggungan cukai yang kena dibayar pada sesuatu tahun taksiran yang berkenaan
 - Lebihan bayaran Duti Setem akibat pengurangan atau pengecualian atau pembatalan duti

TINDAKAN PEMBAYAR CUKAI

- Laporkan pendapatan dengan tepat dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan melalui kemudahan **e-Filing** pada tempoh yang ditetapkan
- Pastikan maklumat nama, nombor pengenalan diri, akaun bank, alamat e-mel dan alamat rumah adalah diisi dengan betul di dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan
- Bagi bayaran balik Duti Setem, isi nama, nombor akaun bank dan nombor pengenalan diri yang betul di dalam Sistem STAMPS (oleh ejen)
- Pastikan nombor akaun bank yang dilaporkan adalah:
 - Bagi Individu : Nombor akaun bank yang aktif (bukan akaun khas gaji, akaun bersama atau akaun yang telah ditutup)
 - Bagi Syarikat : Nombor akaun bank rasmi bagi syarikat

BAGAIMANA BAYARAN BALIK MELALUI EFT DIMAKLUMKAN?

- Semua bayaran balik yang telah dibuat melalui EFT akan dimaklumkan melalui e-mel. Jika tiada alamat e-mel, pemakluman akan dibuat melalui surat
- Jika bayaran balik melalui arahan EFT gagal dikreditkan kepada akaun bank pembayar cukai, makluman pembatalan bayaran balik akan dimaklumkan melalui e-mel / surat

KELEBIHAN EFT

- Cepat kerana bayaran balik dikreditkan terus ke dalam akaun bank pembayar cukai
- Selamat kerana nombor akaun bank dan nombor pengenalan diri pembayar cukai (2 kunci pengesahan) telah disemak sebelum bayaran dikreditkan oleh pihak bank
- Tidak berlaku kehilangan cek atau terlupa menandatangani cek ke bank

SENARAI NOMBOR PENGENALAN DIRI

- Nombor Kad Pengenalan Baharu
- Nombor Tentera / Nombor Polis
- Nombor Pendaftaran Syarikat
- Nombor Pasport

BANK YANG TERLIBAT DENGAN EFT

Bank-bank perdagangan yang ditubuhkan di Malaysia dan menjadi ahli **MyClear IBG**

PENTING
ELAKKAN BAYARAN BALIK CUKAI TIDAK DIPROSES

PASTIKAN:

1. Nombor akaun bank dan nombor pengenalan diri yang dilaporkan adalah betul dan sama dengan maklumat di bank pembayar cukai
2. Akaun bank yang dilaporkan adalah akaun individu (pembayaran melalui akaun bersama atau akaun semasa tidak dibenarkan bagi kes bayaran balik kecuali duti setem)
3. Alamat e-mel adalah betul



/LHDNM



/LHDNM



/LHDNM



1-800-88-5436 (LHDN)

Penafian

Risalah ini diterbitkan untuk maklumat am sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau lengkap mengenai suatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai rujukan perundangan

HASIL Teman Kecerdiaan Anda